

# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10 BILANGAN 1 RABU 6 JANUARI, 1965

رابو 3 رمضان 1384

PERCHUMA

## TIMBALAN SULTAN Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha

Merasmikan Pembukaan Persidangan Belanjawan Majlis Mashuarat  
Negeri Brunei

**BANDAR BRUNEI.**—Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin yang pada masa ini sedang bersemayam di-luar negeri, telah merasmikan pembukaan Mashuarat Kedua dari Musim Permashuaratan ke-lima (Belanjawan), Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada pagi hari Selasa 29 Disember, 1964.

Persidangan tersebut telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari tersebut dan telah tamat pada pagi hari Khamis 31 Disember.

Dato Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar telah memimpin mashuarat tersebut.

### MENGHADIRI MUKTAMAR ISLAM SA-DUNIA

**BANDAR BRUNEI.** — Dua orang Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah berangkat ka-Afrika dengan kapal terbang baharu2 ini untuk menghadiri Muktamar Islam Sa-Dunia sa-bagai Wakil2 Kerajaan Brunei.

Beliau2 tersebut ia-lah Mufti Brunei, Sahibul Fadhilah Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz dan Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Brunei/Muara, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Muktamar Islam sa-Dunia yang terma'lom telah di-adakan di-Mogadisho, Somalia, Arika mulai dari 26 Disember, 1964 dan telah tamat pada 2 Januari, 1965.

Sahibul Fadhilah Awang Haji Ismail dan Awang Abdul Rahman telah selamat kembali ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Selasa 5 Januari, 1965.

Tiga orang Ahli2 Baharu telah mengangkat sumpah di-persidangan itu.

Persidangan tersebut telah meluluskan 5 Rang Undang2, meluluskan Ketetapan Pemashoratan — Pemashoratan Perlembagaan (Pindaan) Tahun 1964 yang telah di-chadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei dan meluluskan ketetapan di-bawah Bab 4(2) dari Undang2 Wang Kemajuan yang telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara, Brunei.

Beberapa So'alan2 Mulut dan So'alan2 Bertulis yang di-kemukakan oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah di-jawab oleh Pegawai2 Kanan Kerajaan yang menjadi Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangan tersebut.

Rang Undang2 yang telah di-kemukakan dalam persidangan tersebut ada-lah saperti berikut:

(a) Undang2 Setem (Pindaan)

(Lihat Muka 4)



Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha kelihatan dalam gambar ini bertitah di-Pertandingan Bachan Al-Koran Sa-Negeri Brunei pada malam 2 Januari, 1965.

### D.Y.M.M. KEMBALI KA-TANAH AYER

**BANDAR BRUNEI.**—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan berangkat kembali ka-Brunei dengan kapal terbang dari London pada 8 Januari, 1965. Demikian menurut berita Sharikat Perkhabaran REUTER.

Baginda telah berangkat ka-United Kingdom pada 29 Oktober, 1964 untuk mengadakan perundingan2 dengan Kerajaan Inggeris dan juga mendapat nasihat dari pakar2 serta orang2 yang mahir bagi menjamin kejayaan pelaksanaan Rancangan2 Perkembangan Kerajaan Brunei.



# PERTANDINGAN BACHAAN AL-KORAN JOHAN SA-NEGERI BRUNEI BERJAYA

**BANDAR BRUNEI.**—Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha serta beribu2 orang dari seluruh Negeri Brunei telah menyaksikan Khari2 dan Khariah2 yang mewakili Daerah masing2 mengambil bahagian dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Kejohanan Sa-Negeri Brunei.

Pertandingan Bachaan Kitab Suchi Al-Koran yang termal'om telah di-langsungkan selama dua malam berturut2, ia-itu pada malam2 1 dan 2 Januari, 1965 di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei, dengan memperolehi kejayaan yang besar.

Sungguh pun hujan telah mencurah turun dengan lebatnya pada malam yang pertama, akan tetapi ramai Umat Islam lelaki dan perempuan, telah hadir di-majlis tersebut dengan tidak menghiraukan hujan yang lebat itu.

Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2 kepada Khari2 dan Khariah2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut pada kedua2 malam itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Muhammad Salleh, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamad, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Ahli2 Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Kerajaan dan Negeri Brunei serta lain2nya.

Keputusan pertandingan Bachaan Al-Koran Kejohanan sa-Negeri Brunei bagi Tahun 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:

## BAHAGIAN LELAKI:—

Johan — Awang Mohamad Hashim Al-Masud. Naib Johan — Awang Abdullah Metassan dan Pemenang Ketiga — Awang Sabtu bin Ahmad. Semua-nya dari Daerah Brunei/Muara.

## BAHAGIAN PEREMPUAN:

Johan — Dayang Aminah binti Siling dari Daerah Belait. Naib Johan — Dayang Rubiah binti Haji Mohamad Jawi dari Daerah

Tutong dan Pemenang Ketiga — Dayang Mariam binti Habib Ahmad dari Daerah Brunei/Muara.

Khari2 yang menjadi Johan dan Naib Johan serta Khariah2 yang menjadi Johan dan Naib Johan dalam pertandingan tersebut akan mewakili Negeri Brunei dalam Pertandingan Membachaa Al-Koran Antara Bangsa yang akan di-langsungkan di-Kuala Lumpur mulai dari 18 hingga 23 Januari, 1965.

Dua orang Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei akan mengiringi Khari2 dan Khariah2 itu ka-Kuala Lumpur.

## Majlis Penyampaian Sijil2 Maktab Perguruan

**BANDAR BRUNEI.**—Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim selaku Pemangku Menteri Besar Brunei telah mengucapkan tahniah kepada Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah berjaya dalam berbagai2 lapangan semenjak Maktab itu di-tubuhkan beberapa tahun yang lalu.

Beliau telah memberikan ucapan tersebut di-majlis Penyampaian Sijil Maktab Perguruan Melayu Brunei bertempat di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada petang 17 Disember, 1964.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof telah juga mengucapkan tahniah kepada penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah lulus dalam latehan mereka.

Dalam ucapan beliau Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof menegaskan bahawa tugas dan tanggung jawab guru ada-lah sangat berat.

Beliau berharap agar-nya guru2 itu akan memberi pendidikan yang berfaedah dalam usaha mereka mendidik anak2 di-bangku sekolah untuk menjadi masyarakat yang di-megahkan oleh negara ini pada sa-tiap masa.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof telah menyampaikan Sijil2 Kelulusan Maktab Perguruan Melayu kepada 29 orang penuntut2 yang telah lulus dalam tahun 1963.

Selain dari itu beliau juga telah menyampaikan Sijil2 Kelulusan Ugama di-Maktab itu kepada 24 orang dan Hadiah2 Pelajaran untuk tahun 1964 kepada 7 orang penuntut.

Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes; Penasehat Maktab itu, Awang A.D. Bumford dan Pengetua Maktab itu, Awang Othman bin Bidin.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Ustaz Abdul Kadir bin Talib dan diikuti dengan Lagu Kebangsaan Brunei.

## Pertandingan Bintang Radio Brunei

**BANDAR BRUNEI.**—Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 3 Januari, 1965 dengan memperolehi kejayaan.

Sungguh pun hujan telah turun dengan lebat-nya pada malam tersebut, akan tetapi ramai para penonton telah menyaksikan pertandingan menyanyi itu.

Keputusan pertandingan Bintang Radio tersebut ada-lah seperti berikut:

### BAHAGIAN LELAKI

ASLI: Pertama—A.T. Ahmadi Kedua Idris Mohamad. Ketiga—Abdullah A. Yusof dan Keempat—Abdul Rahman Yusof.

LANGGAM: Pertama — Idris Mohamad. Kedua M.S. Bakri. Ketiga — A.B. Shahari dan Keempat — Awangku Emran Pengiran Manai.

### BAHAGIAN WANITA

ASLI: Pertama — Abibah Ibrahim — Kedua — Siti Mariam Ketiga — Masni Othman dan Keempat — Dayangku Safiah Pengiran Suhaili.

LANGGAM: Pertama — Dayangku Sharifah Pengiran Besar. Kedua — Dayangku Rohani Pengiran Tajuddin Ketiga — Norsiah Hamid dan

Ke-empat — Fatimah Haji Sulaiman.

Hadiah2 kepada biduan2 dan biduanita2 yang berjaya dalam pertandingan Bintang Radio tersebut telah di-sampaikan oleh Isteri Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Sunny bin Ahmat sa-baik sahaja selesai pertandingan menyanyi itu.

### MASA BEKERJA

### PEJABAT2 KERAJAAN DALAM BULAN PUASA

**BANDAR BRUNEI.**—Masa bekerja Pejabat2 Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei dalam Bulan Puasa ini ada-lah seperti berikut:

Hari Isnin ka-hari Khamis dan Hari Sabtu dari pukul 8.30 pagi hingga ka-pukul 3 petang.

Hari2 Juma'at dan Ahad ada-lah Hari2 Kelepasan Biasa Pejabat2 Kerajaan pada tiap2 minggu.

## Permohonan Menggunakan Senapang2 Patah

**BANDAR BRUNEI.**—Pulis Brunei telah menerima beberapa banyak permohonan dari orang ramai untuk meminjam senapang2 patah bagi membunuh binatang2 yang merosakkan tanam2an dan se-bagai-nya.

Maka dengan hal yang sa-demikian, permohonan2 untuk meminjam senapang2 patah itu, tidak-lah dapat di-beri layanan.

Pihak Pulis dukachita menyatakan bahawa lesen2 untuk menggunakan senapang2 patah tidak dapat di-keluarkan.



# Jabatan Pertanian Memberi Peluang Kapada Anak2 Negeri Brunei Untok Membiak atau Menternak Ayam2

**BANDAR BRUNEI.**—Jabatan Pertanian Brunei dengan tegas-beri pelung kepada anak2 Negeri Brunei Jabatan ini ingin mem-  
anakan ayam2 daripada jenis di-akui baka baik.

Anak2 ayam dari baka yang baik itu masa ini sedang di-  
sediakan untuk di-bagikan  
kapada orang2 ramai yang ingin  
memelihara ayam.

Anak2 ayam yang hendak di-  
bagikan itu ia-lah anak ayam  
yang berumur dari 3 hingga 7  
hari.

Oleh kerana Jabatan Pertanian  
telah menimbangkan bagaimana  
chara yang mudah supaya orang2  
ramai dapat mempunyai ayam2  
yang sesuai dengan chara2 peli-  
hara'an di-kampung dan senang  
pula mendapatkan-nya, maka  
Jabatan Pertanian memutuskan  
hendak membahagi anak2 ayam  
itu dengan chara bertukar den-  
gan di-adakan sedikit sharat-  
nya saja.

Dari itu Jabatan Pertanian  
berseru kepada semua penduduk2  
di-dalam Negeri Brunei yang

ingin memelihara ayam supaya  
jangan melepaskan peluang ini  
dan berhubung-lah terus ka-  
Jabatan Pertanian atau kapada  
kaki-tangan2 Pertanian yang  
berhampiran supaya dapat men-  
daftar nama masing2 untok  
mendapatkan anak2 ayam itu.

Sharat2 yang di-beri kapada  
orang2 yang hendak mempunyai  
anak2 ayam itu ada-lah seperti  
berikut:

1. Orang ramai di-benarkan  
membeli dengan jalan menukar  
anak ayam sa-banyak 6 ekor dan  
tidak lebeh dari 14 ekor tiap2  
sa-orang, anak ayam yang ber-  
umur dari 3 hingga 7 hari untok  
mensesuaikan chara memelihara  
di-kampung2.

2. Jualan anak2 ayam dengan  
jalan sa-chara bertukar, ya'ni  
anak2 ayam itu di-bayar balek  
dengan anak2 ayam dari baka  
atau beneh ayam tempatan ke-

punyaan sendiri. Jika si-  
pembeli itu tidak ada mempunyai  
ayam sendiri untok penukar  
ayam yang di-beli-nya itu, maka  
si-pembeli itu di-benarkan me-  
mbeli dengan chara berhutang,  
ya'ni ia-akan membayar balek  
hutang-nya dengan anak ayam  
yang di-perolehi nya dari anak2  
ayam yang telah di-hutang-nya  
itu.

3. Jika sa-kiri-nya anak2  
ayam yang telah di-beli-nya di-  
dapati banyak yang jantan, ma-  
ka anak2 yang jantan itu boleh-  
lah di-tukarkan balek dengan

anak2 betina jika di-kehendaki-  
nya.

4. Anak2 ayam yang telah  
di-beli itu apabila mati di-dalam  
pelihara'an-nya tidak akan di-  
ganti, sabalek-nya hutang tetap  
di-bayar juga.

5. Orang2 yang jauh di-luar  
bandar seperti di-ulu2 sungai  
atau di-darat2 yang sukar di-  
datangi, anak2 ayam-nya akan  
di-hantar oleh kaki tangan Per-  
tanian hingga ka-suatu tempat  
yang di-tetapkan kelak supaya  
dapat berkumpul menerima anak  
ayam itu.

## 2 Orang Pelateh2 Kerajaan Berlateh Di-Pusat Latehan Shell Brunei

**SERIA.**—Dua orang pelateh Kerajaan Brunei telah memasuki  
Pusat Latehan Shell Brunei untok mengikuti satu Kursus Latehan  
dalam mata Pelajaran Mekanikal dan Elektrik.

Mereka ia-lah Awang Ahad  
bin Haji Mohamad Salleh dari  
Pejabat Elektrik, Bandar Brunei  
dan Awang Saji bin Mohamad  
Said dari Pejabat Kerja Raya,  
Kuala Belait.

Pada masa latehan itu, mereka  
akan mempelajari chara2 teori  
Bahagian Elektrik dan Mekanik,  
Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab,  
Sains dan Ilmu Ukur.

Mereka akan belajar men-  
jalankan pekerjaan permishinan

jentera, pasang memasang elekt-  
rik, pasang memasang dawai dan  
sebagai-nya.

Selain dari itu, mereka akan  
juga di-berikan latehan pengawas  
yang di-buat untok mereka se-  
bagai panduan kapada mereka  
mengawasi para pekerja.

Awang Ahad ia-lah sa-orang  
bekas penuntut Maktab Sultan  
Omar Ali Saifuddin, Bandar  
Brunei, manakala Awang Saji  
pula ia-lah bekas penuntut  
Maktab Antony Abell Seria.



**GAMBAR ATAS:** Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka  
Duli Pengiran Pemancha kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah  
kapada Dayang Aminah binti Siling, Johan Pertandingan Bachaan Al-Koran  
Sa-Negeri Brunei Tahun 1965, Bahagian Perempuan pada malam 2 Januari,  
1965.

**GAMBAR KANAN:** Khari2 yang telah menjadi Johan dan Naib Johan  
dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Kejohanan Sa-Negeri Brunei Tahun  
1965. Dudok di-kiri ia-lah Johan pertandingan tersebut Awang Mohamed  
Hashim Al-Masud dan dudok di-kanan ia-lah Naib Johan pertandingan  
tersebut Awang Abdullah bin Metassan.





## Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

(Dari Muka 1)

1964 di-chadangkan oleh Yang Berhormat Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara, Brunei.

(b) Undang2 untuk meminda Perintah Perlembagaan (Majlis2 Mashuarat Daerah dan Negeri) 1962 - di-chadangkan oleh Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies, Peguam Negara, Brunei.

(c) Undang2 untuk meminda Perintah Perlembagaan (Suruhanjaya Pilihan Raya), 1961 - di-chadangkan oleh Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies, Peguam Negara, Brunei.

(d) Undang2 Mengeluarkan Wang dari Kumpulan Wang Yang Di-satukan bagi perkhidmatan Tahun 1965 dan untuk menguntukkan wang tersebut bagi maksud2 yang tertentu - di-chadangkan oleh Yang Berhormat Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara, Brunei; dan

(e) Undang2 Ganti-Rugi bagi pekerja2, 1957 - di-chadangkan oleh Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies, Peguam Negara, Brunei. Majlis tersebut telah juga meluluskan 2 Usul yang telah di-beri notis, Usul2 itu, berbunyi:

(a) Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usul mengemukakan sepenoh2 terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha di-atas keberangkatan Yang Teramat Mulia ka-Majlis ini pada hari ini dan di-atas sabda Yang Teramat Mulia Yang Majlis ini menjunjung dengan sepenoh-nya.

Usul tersebut telah di-chadangkan oleh Y.A. Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei.

(b) Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu Usul untuk memperbaiki dan melebarkan Jalan Kechil dari ka-Kampung Kenua untuk menyenangkan Pegawai2 Keselamatan datang ka-Kampung2.

Usul tersebut telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Awang Ibrahim bin Haji Ismail.

Kedua2 Usul tersebut telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri Brunei dengan sa-bulat suara.

11 orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah melafadkan Uchapan2 Penanggihan.

Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah melafadkan Uchapan2 Penanggihan tersebut ia-lah:

Yang Berhormat Awang R.D. Ross, Yang Berhormat Awang Langkah Anak Rantap, Yang Berhormat Awang Haji Ghazali bin Umar, Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohamad Salleh, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Limbang.

Yang Berhormat Awang Abdul Manan bin Mohamad, Yang Berhormat Awang Mohd. Taib bin Haji Mohamad Salleh, Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun, Yang Berhormat Awang Abang bin Sahat dan Yang Berhormat Awang Haji Merusin bin Abdullah.

Sa-lepas itu Setia Usaha Kerajaan, Brunei Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim bagi pihak Kerajaan Brunei, telah membalas Uchapan2 Penanggihan tersebut.

Kemudian Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei, telah mengemukakan sebanyak2 terima kasih kepada 11 orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah melafadkan Uchapan2 Penanggihan di-persidangan itu.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah mengemukakan "Selamat Datang" kepada tiga orang Ahli2 Baharu,

Majlis Mashuarat Negeri Brunei, ia-itu Yang Berhormat Awang G.V. de Freitas, Yang Berhormat Awang Talib bin Derwish dan Yang Berhormat Awang Mohamad Taib bin Haji Mohamad Salleh.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal kemudian telah mengemukakan terima kasih kepada tiga orang bekas ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei, ia-itu Yang Berhormat Awang Mohamad Salleh bin Abdul Kadir, Yang Berhormat Awang Ahmad bin Haji Abdul Aziz dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksemana Dato Setia Haji Mohamad Taha terhadap perkhidmatan beliau2 itu kepada Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Sa-lepas itu, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah mengemukakan sa-tinggi2 terima kasih kepada Dato Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri

Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar yang telah memimpin persidangan Belanjawan Majlis Mashuarat Negeri Brunei selama tiga hari berturut2 ini dengan memperohi kejayaan.

Dato Speaker, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar pula telah mengemukakan terima kasih kepada semua Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei terhadap kehadiran beliau2 itu serta kerja-sama masing2 untuk menayakan persidangan tersebut.

Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar berharap agar-nya Tahun 1965 akan bersinar dalam berbagai2 lapangan, sambil mengemukakan "Selamat Tahun Baharu 1965" kepada semua para hadirin.

Kemudian beliau pun menanggihkan persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei ka-satu tarikh yang akan datang kelak.

## AHLI2 BAHARU MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.**—Tiga orang Ahli2 Baharu Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah mengangkat sumpah di-Persidangan Belanjawan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada 29 Disember 1964.

Beliau2 itu ia-lah Yang Berhormat Awang G. V. de Freitas; Yang Berhormat Awang Talib bin Derwish dan Yang Berhormat Awang Mohd. Taib bin Haji Mohd. Salleh.

Beliau2 tersebut telah menggantikan Yang Berhormat Awang Mohamad Salleh bin Abdul Kadir, Yang Berhormat Awang Ahmad bin Haji Abdul Aziz dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksemana Dato Setia Haji Mohamad Taha.

## Majlis Menyampaikan Hadiah2 Kepada Penuntut2 Yang Berjaya Dalam Pelajaran Trengkas

**BANDAR BRUNEI.**—Tiga orang penuntut Trengkas dari Brunei buat julong2 kali-nya, telah mendapat hadiah 'Pingat emas' dari Trengkas Melayu Institute, Singapura atas kecekapan mereka dalam ilmu trengkas.

Mereka itu ia-lah Dayang Asmah binti Ali Ahmad, Awang Zainuddin bin Kula dan Awang Zainal bin Taha. Awang Zainal telah mendapat kepujian dalam peringkat Menengah manakala Dayang Asmah dan Awang Zainuddin telah mendapat kepujian dalam peringkat permulaan.

Pingat2 emas itu telah di-sampaikan oleh Penaong Persatuan Trengkas Melayu Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Mohammad Yusof dalam satu upacara yang telah di-langsungkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei baharu2 ini.

Dalam upacara itu juga, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof telah menyampaikan hadiah2 kepada lebih dari 60 orang penuntut2 yang berjaya dalam pelajaran Trengkas, Seni Greeg dan Menaip.

Beliau juga telah menghadihkan sa-biji Piala Rebutan tiga tahun berturut2, dalam peraduan Johan Trengkas Peringkat Tertinggi yang telah di-menangi oleh Awang Md. Salleh bin Metassan.

Piala hadiah dari Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Y.B. Awang Haji Mohamad Jamil bagi peraduan kejohanan Seni Greeg ini telah di-menangi oleh Awang Morni bin Sanai, dari Daerah Belait. Piala tersebut ia-lah untuk rebutan sa-lama tiga tahun berturut2.

## WAKIL2 P.G.G.M.B. Melawat Thailand

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-rombongan delapan orang Wakil2 dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah berlepas ka-Bangkok dengan kapal terbang dari Brunei pada petang 5 Januari, 1965 untuk melawat ka-Universiti2, Maktab2, Sekolah2 Menengah dan Rendah di-Negeri Thailand.

Guru2 tersebut ia-lah Chegu Pengiran Tuah b. Pengiran Haji Chuchu, Chegu Asmakhan bin Abdul Khan, Chegu Pengiran Hashim bin Pengiran Chuchu, Chegu Bolhassan bin Dato Petinggi, Chegu Baba bin Arshad, Chegu Metamit bin Irradat, Chegu Sulaiman bin Haji Abdul Latif dan Chegu Abdul Wahab bin Abdullah.

Lawatan Guru2 tersebut ka-Negeri Thailand ada-lah di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan kerjasama Pertubuhan Guru2 Sa-Dunia dan di-selenggarakan oleh Pertubuhan Guru2 Thailand.

Sementara itu, dalam satu pertemuan dengan Setia Usaha Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Awang Umar bin Muhamad, beliau menerangkan bahawa ini-lah kali yang pertama lawatan mengenai Pelajaran oleh Wakil2 dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei ka-luar negeri.

Beliau mengemukakan terima kasih kepada Pertubuhan Guru2 Sa-Dunia dan juga kepada Pertubuhan Guru2 Thailand yang telah berusaha untuk membuat berbagai2 persediaan dan sebagai-nya mengenai lawatan Wakil2 dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei ka-Negeri Thailand.

Wakil2 dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang telah berangkat ka-Thailand, di-jangka tiba balek di-Brunei dengan kapal terbang dari Bangkok melalui Singapura pada 19 Januari 1965.



# PERUNDINGAN2 ANTARA KERAJAAN2 INGGERIS DAN BRUNEI DI-LONDON TAMAT

**BANDAR BRUNEI.**—Perundingan2 di-antara Kerajaan Inggeris dan Kerajaan Brunei di London telah pun tamat. Duli Yang Mahkota Seri Baginda Maulana Al-Sultan akan ber-kembali ka-Brunei.

Semasa di-Britain, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan serta Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei telah mengadakan perundingan2 mengenai berbagai2 perkara dengan Setia Usaha Komonwealth, Pegawai2 dari Pejabat Perhubungan Komonwealth Pegawai2 dari Kementerian Pertahanan Inggeris, Pegawai2 dari Kementerian Perkembangan Sabarung Laut dan Pegawai2 dari lain2 Jabatan Kerajaan.

Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris Brunei telah juga hadir pada masa di-adakan kebanyakan dari perundingan2 tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah juga mema'lonkan kapada Setia Usaha Komonwealth, Mr. Bottomley, bahawa Pilehan2 Raya Majlis Mashuarat Daerah dan Majlis Mashuarat Negeri Brunei akan di-adakan dalam bulan Mach tahun 1965 dan satu system Kementerian akan di-jalankan sa-lepas di-adakan Pilehan Raya tersebut.

Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang di-pilih oleh orang ramai akan juga di-lantek menjadi Ahli2 Majlis Mashuarat Kerajaan.

Ada-lah harapan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Que-

en serta Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei dan Kerajaan Baginda bahawa Negeri Brunei akan terus maju dalam berbagai2 lapangan.

Sa-lepas di-adakan Pilehan Raya tersebut, majlis Mashuarat Kerajaan akan menjadi "Majlis Mashuarat Menteri2" dan akan ermasuk Menteri2 Muda yang akan di-lantek daripada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.

Ranchangan2 untuk mengadakan system Kementerian tersebut akan selesai penghujung bulan Februari ini dan perundingan2 di- antara Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Setia Usaha Komonwealth akan di-adakan sa-lepas Pilehan Raya.

Untuk membantu Kerajaan Brunei bagi memajukan ranchangan perkembangan perekonomian-nya, Kementerian Perkembangan Sabarung Laut Inggeris akan mengambil langkah dengan

saberapa segera untuk melateh Pegawai2 tempatan bagi menjawat jawatan Pesuruh Jaya Perkembangan dan lain2 jawatan yang pada masa ini belum lagi di-penuhi oleh kerana kekurangan Pegawai2 dari anak-Negeri Brunei yang berkelulusan dan mahir dalam pekerjaan2 jawatan2 yang berkenaan itu.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah ber-setuju untuk menolong Kerajaan Brunei bagi memenuhi jawatan2 yang kosong sa-kira-nya jawatan2 itu tidak dapat di-penuhi oleh Pegawai2 dari anak2 Negeri Brunei sendiri.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen juga akan menolong Brunei dengan menghantarkan Pegawai2-nya untuk berkhidmat di-Brunei di-bawah ranchangan perkhidmatan sa-berang laut sa-chara sukarela.

## 39 Orang Lagi Di-Pilih Menjadi Perajurit2 Askar Melayu Brunei

**BERAKAS.**—Seramai 39 orang lagi pemuda2 telah di-pilih untuk berkhidmat sebagai parajurit2 Askar Melayu Brunei.

Mereka ada-lah di-kehondaki hadir di-Berakas Kem, Askar Melayu Brunei sa-belum pukul 12 tengah-hari, 12 Januari, 1965.

Bakal2 parajurit tersebut ada-lah seperti berikut:

- |                              |                                            |
|------------------------------|--------------------------------------------|
| 1. Che'gu Abu Bakar bin Jaya | S. M. Sultan Hassan Bangar, Temburong.     |
| 2. Nawi bin Abd. Rahman      | Kg. Sungai Lampai Brunei.                  |
| 3. Talib bin Hj. Tudin       | S.M. Bunut, Jalan Tutong.                  |
| 4. Saman bin Nayan           | Kg. Kupang, Batu 16 Jalan Tutong.          |
| 5. Bakir bin Bakar           | Kampung Batu Marang.                       |
| 6. Kassim bin Ghani          | P.O. Box 305, Brunei.                      |
| 7. Samri bin Azamain         | d/a Kuarter Master, A.M.B.                 |
| 8. Ak. Md Yasin b. Pg. Momin | Kampung Batu Marang.                       |
| 9. Ahmad bin Umar            | Kampung Batu Marang.                       |
| 10. Majid bin Timbang        | Kampung Batu Marang.                       |
| 11. Ali bin Abd. Jalil       | d/a B/3082 L/C Saini, A.M.B.               |
| 12. Besar bin Hidup          | Kampung Seri Wangsa                        |
| 13. Abd. Majid bin Md. Tahir | Kg. Sungai Kedayan, Brunei.                |
| 14. Besar bin O.K. Hj. Layeh | S. M. Tanjong Maya Tutong.                 |
| 15. Billy bin Ahmad          | S. M. Muhammad 'Alam Seria.                |
| 16. Rosli bin Saidi          | d/a Daud bin Raub, Auto W/Shop, BSP Seria. |
| 17. Buyong bin Asmat         | Kg. Lugu Batu 13 Jalan Tutong.             |
| 18. Abd. Kadir bin Nia       | d/a Officers Mess A.M.B.                   |
| 19. Kamis bin Aman           | State Store Brunei.                        |
| 20. Abu bin Bakar            | Sekolah Melayu Anggerek Desa.              |
| 21. Tuah bin Ibrahim         | Kg. Sultan Lama Brunei.                    |
| 22. Wahid bin Dullah         | Kg. Kupang Batu 15 Jalan Tutong.           |
| 23. Kurus bin Misir          | Kg. Lugu Batu 13 Jalan Tutong.             |
| 24. Safar bin Duraman        | Pejabat Ukur Brunei.                       |
| 25. Kasim bin Ibrahim        | Kg. Batu Marang Brunei.                    |
| 26. Tahamit bin Paman        | Kg. Sengkurong Batu 10.                    |
| 27. Abd. Rahman bin Ahmad    | Kg. Lamunin Batu 7 Jalan Tutong.           |
| 28. Sabli bin Kasim          | Kg. Kiudang Tutong.                        |
| 29. Lanai bin Adis           | Kg. Sinaut Tutong.                         |
| 30. Ja'afar bin Libut        | Kg. Keriam Tutong.                         |
| 31. Usok bin Besar           | Kg. Bukit Udal Tutong.                     |
| 32. Buia bin Malim           | Kg. Ulu Tutong.                            |
| 33. Karim bin Jais           | Kg. Danau Tutong.                          |
| 34. Md. Yusof bin Sulaiman   | Kg. Panchor Dulit Tutong.                  |
| 35. Suarut bin Bungo         | Kg. Sungai Damit, Tutong.                  |
| 36. Hamid bin Hasad          | Kg. Belais, Temburong.                     |
| 37. Kaling bin Abas          | Kg. Baru Temburong.                        |
| 38. Garip bin Timpos         | Kg. Belaban Temburong.                     |
| 39. Ahmad bin Beliang        | Kg. Menengah, Bangar.                      |

Keinderaan akan di-sediakan oleh Askar Melayu Brunei untuk membawa parajurit2 tersebut ka-Berakas Kem di-tempat2 dan pada masa yang di-bawah ini:

Pejabat Pos Kuala Belait: Keinderaan tiba pada pukul 8.50 pagi dan berangkat ka-Berakas Kem pada pukul 9 pagi.

Pejabat Daerah Seria: Keinderaan tiba pada pukul 9.30 pagi dan berangkat pada pukul 9.40 pagi.

Balai Pulis Tutong: Keinderaan tiba pada pukul 10.25 pagi dan berangkat pada pukul 10.35 pagi.

Penjuru Jalan Raya Lamunin/Brunei: Keinderaan tiba pada pukul 10.55 pagi dan berangkat pada pukul 11 pagi.

Balai Pulis Muara: Keinderaan tiba pada pukul 10 pagi dan

berangkat pada pukul 10.10 pagi. Sekolah Melayu Delima 1, Berakas: Keinderaan tiba pada pukul 10.30 pagi dan berangkat pada pukul 10.40 pagi.

Mereka juga di-nasehatkan supaya JANGAN-LAH mereka membawa pakaian awam dengan banyak-nya, kerana mereka TIDAK-LAH di-benarkan memakai pakaian awam pada masa lathan.

Mereka juga di-nasehatkan supaya membawa bersama mereka wang yang sa-chukop yang dapat mereka gunakan hingga ke hari mereka menerima gaji pak kali yang pertama, ia-itu pada 28 Januari, 1965.

Selain dari itu, bakal2 parajurit tersebut di-minta membawa bersama mereka barang2 menyu baju dan sebagai-nya serta al penyukor.

## MAJLIS CHERAMAH K.P.P.S.K.

**KAMPONG SUNGAI KE-DAYAN.** — Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei akan mengadakan majlis cheramah mengenai pemuda pemudi bertempat di-rumah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksa-

mana Dato Setia Haji Mohamad Taha pada hari Ahad 17 Januari, 1965 mulai pukul 9 pagi.

Cheramah itu akan di-sampaikan oleh Setia Usaha Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Awang Yahya Yusof.



# Perlumbaan Berjalan Kaki Anjoran P. T. N. B. -- 28 Februari, 1965

**BANDAR BRUNEI.**—Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh terbuka kepada pelumba2 lelaki dan perempuan di-seluruh Negeri Brunei akan di-adakan pada 28 Februari, 1965 di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Perlumbaan untuk peserta2 lelaki ia-lah sa-jauh 17 batu dari Pekan Muara hingga ka-Bandar Brunei.

Perlumbaan untuk peserta2 wanita ia-lah se-jauh 7½ batu dari hadapan Sekolah Melayu Sungai Hanching ka-Bandar Brunei.

Perlumbaan tersebut di-bahagikan kepada 5 Bahagian, ia-itu seperti berikut:

(a) Wanita - Peserta2 hendaklah berumur 12 tahun ka-atas.

(b) Bahagian "Junior" Peserta2 hendaklah berumur 16 tahun ka-bawah.

(c) Bahagian Senior - Peserta2 hendaklah berumur 16 tahun ka-atas dan tidak lebeh dari 40 tahun.

(d) Bahagian Orang2 Tua - Peserta2 hendaklah berumur 40 tahun ka-atas.

(e) Bahagian Pasokan Tentera2 Inggeris - Umor peserta2 tidak-lah di-hadkan.

Selain dari itu, akan di-adakan juga Perlumbaan Berpasokan.

Tiap2 Maktab, Sekolah, Persekutuan atau pun Pertubohan di-benarkan memasoki satu pasokan sahaja dan tiap2 pasokan itu mesti-lah mengandongi 10 orang.

Bayaran masok bertanding ia-lah \$1 untuk peserta2 dewasa dan 50 sen untuk murid2 sekolah.

Segala permohonan masok berlumba hendaklah di-alamatkan kepada Awang S. Palaniandy, Peti Surat 537, Bandar Brunei atau d/a Jabatan Elektrik; Bandar Brunei atau pun kepada Awang Chua Kong Heng, /a Pejabat Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Jalan Sultan, Bandar Brunei.

Permohonan2 itu hendaklah hantarkan kepada Awang anandy atau pun kepada awang Kong Heng, sa-belum 1 Januari, 1965.

**CHATETAN:** Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh tersebut di-jadualkan berlangsung pada 6 Disember, 1964. Akan tetapi, oleh kerana beberapa sebab yang telah tidak dapat di-elakkan, maka tarikh perlumbaan tersebut di-tunda ka-penghujung bulan Februari, tahun ini.

## PENGUMUMAN JABATAN UKOR

Dengan sukachita di-beri tahu kepada orang ramai, bahawa Jabatan Ukor Brunei sedang sibok memulakan ranchagan-nya menyiapkan segala peta2 tanah di-seluruh Negeri ini yang sudah di-ukor sejak 1952.

Di-samping itu juga, jabatan tersebut sedang sibok membuatkan peta2 yang di-perlukan oleh lain2 Jabatan di-kawasan Bandaran serta juga seluruh Negeri ini.

Dengan sebab ini permohonan tuan2 tanah yang sedang membahagi atau yang akan membahagi (Sub-division), tidak-lah akan di-layani jika mereka berkehendakan keistimewaan (Segera.), melainkan pekerjaan permohonan itu hanya akan di-layan dengan jalan mengikut giliran permohonan masing2 sahaja.

Memandang banyak-nya permohonan ukoran dan pembahagian tanah dari seluruh Negeri ini di-terima, maka pembahagian (Sub-division) dan ukoran (Land application) tiap2 tanah itu hanya di-anggarkan akan siap di-buat sa-kurang2-nya selama 5 bulan dari tarikh Jabatan ini menerima kertas permohonan itu dari Jabatan Tanah.

## Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata-Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6 Januari hingga ka-hari Selasa 19 Januari, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:-

| Hari | Bulan | Amsak | Suboh | Terbit | Matahari | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha |
|------|-------|-------|-------|--------|----------|--------|------|---------|------|
| 6    |       | 4.58  | 5.13  | 6.30   | 12.31    | 3.51   | 6.27 | 7.41    |      |
| 7    |       | 4.58  | 5.13  | 6.30   | 12.31    | 3.51   | 6.27 | 7.41    |      |
| 8    |       | 4.59  | 5.14  | 6.31   | 12.32    | 3.52   | 6.28 | 7.42    |      |
| 9    |       | 4.60  | 5.14  | 6.31   | 12.32    | 3.52   | 6.28 | 7.42    |      |
| 10   |       | 5.01  | 5.15  | 6.32   | 12.33    | 3.53   | 6.29 | 7.42    |      |
| 11   |       | 5.01  | 5.15  | 6.32   | 12.33    | 3.53   | 6.29 | 7.42    |      |
| 12   |       | 5.01  | 5.15  | 6.32   | 12.34    | 3.54   | 6.30 | 7.43    |      |
| 13   |       | 5.01  | 5.15  | 6.32   | 12.34    | 3.54   | 6.30 | 7.43    |      |
| 14   |       | 5.02  | 5.16  | 6.33   | 12.35    | 3.55   | 6.31 | 7.43    |      |
| 15   |       | 5.02  | 5.16  | 6.33   | 12.35    | 3.55   | 6.31 | 7.43    |      |
| 16   |       | 5.03  | 5.17  | 6.34   | 12.35    | 3.55   | 6.31 | 7.43    |      |
| 17   |       | 5.03  | 5.17  | 6.34   | 12.36    | 3.56   | 6.32 | 7.44    |      |
| 18   |       | 5.04  | 5.18  | 6.35   | 12.36    | 3.56   | 6.32 | 7.44    |      |
| 19   |       | 5.04  | 5.18  | 6.35   | 12.36    | 3.56   | 6.32 | 7.44    |      |

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

## Hari2 Kelepasan Awam 1965

Ada-lah dengan ini di-beritahu bagi pengetahuan ramai bahawa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengishtiharkan hari2 yang berikut di-anggap sebagai hari2 kelepasan di-Negeri Brunei bagi tahun 1965:-

|                                            |                                                                                             |
|--------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
| Hari Tahun Baharu                          | Hari Sabtu 2 Januari<br>(sebagai ganti hari Juma'at 1 Januari)                              |
| *Hari Pertama bagi bulan Puasa             | Hari Ithnin 4 Januari<br>(sebagai ganti hari Ahad 3 Januari)                                |
| Hari Raya China                            | Hari Thalatha 2 Februari                                                                    |
| *Hari Raya Puasa dan hari berikut-nya      | Hari Thalatha 2 Februari dan hari Rabu 3 Februari                                           |
| *Hari Raya Haji dan hari berikut-nya       | Hari Ithnin 12 April dan Hari Thalatha 13 April<br>(sebagai ganti hari Ahad 11 April)       |
| *Hari Tahun Baharu Islam (1 Muharam)       | Hari Sabtu 1 Mei                                                                            |
| Hari Keputeraan Baginda Queen              | Hari Sabtu 12 Jun                                                                           |
| *Maulud                                    | Hari Sabtu 10 Julai                                                                         |
| Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan | Hari Khamis 23 September                                                                    |
| Hari Perlembagaan                          | Hari Rabu 29 September                                                                      |
| *Me'raj                                    | Hari Sabtu 20 November                                                                      |
| Hari Christmas dan hari berikut-nya        | Hari Sabtu 25 Disember dan Hari Ithnin 27 Disember<br>(sebagai ganti hari Ahad 26 Disember) |

\*Tertalok kepada perubahan

## ajlis Sambutan Awal Tahun 1965

**BANDAR BRUNEI.**—Pegawai2 dan anggota2 Kelab Perahu Raja Di-Raja Brunei (Royal Brunei Yacht Club) telah menyambut lahir-nya Tahun Baharu 1965 dengan mengadakan satu Pesta Tari Menari di-bangunan Kelab tersebut pada malam 31 Disember, 1964.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis itu ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang

Terutama Awang E. O. Laird.

Satu jam sa-belum menjelang Tahun Baharu 1965, kebanyakan dari para hadirin, lelaki dan perempuan, telah mengambil bahagian dalam Peraduan Pa-kai-an Beragam.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Terutama Awang E. O. Laird.



# 汶等候大馬回覆 方決定發行貨幣


(汶萊市訊)汶萊政府正等候馬來西亞政府之正式答覆，嗣後決定是否舉行談判，以達致使用馬來西亞貨幣，抑或自行發行貨幣。

以上係由本邦財政部長約翰里先生，于立法會議上所發表者。

目下汶萊仍舊使用由汶萊與大馬所組成之貨幣委員會，所發行之鈔票與硬幣。約翰里先生稱：本邦政府經已通知大馬政府，準備考慮應用大馬貨幣之條件。

氏續指出：馬來西亞政府業已通知上列貨幣委員會，謂：它將以馬來西亞中央銀行，取代該委員會。

約翰里先生補充稱：于貨幣協約之規定下，解散上述委員會，十八個月之通知書乃需要者。是以本邦政府正考慮是否使大馬鈔票與硬幣，仍用大馬鈔票與硬幣，此外本邦之財政，仍有盈餘，此因前年所制定「石油所得稅條



圖：汶副州務大臣，彭支蘭，拿督，詩里，巴都卡，哈支，阿里，于汶萊市廣場上，向參與全國可蘭經誦讀比賽之全國教徒致詞之影。

款」內，增加稅率之故。

本年度之全國費用，只有五千八百萬元，比年初預算案內之七千四百萬元減少一千五百萬元之開支。

至于本邦之發展計劃，于增聘技術人員及工人方面，曾遭受種種困難，然而有關當局經逐漸克服之。

此外有些發展計劃，將遲致完成之階段。

本邦政府經已聘用工程師顧問，以設計開發摩拉深港，而令本邦各地區，具有電流供應之計劃，亦將遲致全部設施之階段。

有關當局亦經刊登承辦各項工程之招標廣告。

約翰里先生通即指出：本邦政府亦撥出一筆款項予自一九六二年十二月間以還，駐防于本邦之士兵費用。為此緣故，氏強調謂：一項有一千六百萬元之條款經已包括于一九六五年三月杪之僱傭兵費用之預算案內。

氏最後表示：斯項費用，將撥出，至本邦之局勢改善時為止。

## 英續協助本邦 進行發展計劃

(汶萊市訊)英國駐汶萊最高專員，萊德先生，于其元旦獻詞內謂，氏甚興奮獲此機會，以祝吾人新年愉快與進步。

氏以爲于一九六四年內，本邦獲得多方面之發展，尤其本邦政府當局經已擬就與批准憲法，及經濟進展。

此將爲人民帶來更巨之責任，以執行本邦行政情況，且亦將爲現代社會，提供更大之利益。

氏保證英女皇政府將繼續協助蘇丹殿下暨本邦政府，以執行各項發展計劃。

一九六五年：將爲各項計劃開始獲得成就之年頭。

氏堅信：倘人民以決心及毅力執行工作，則本邦可真正成爲「和平之鄉」。

最後氏祝福吾人好運。

## 汶萊憲制修正議案 經獲立法會議通過

(汶萊市訊)舉行一連爲期三日之立法會議，經已通過一項議案，修正去年度之「汶萊憲制」。

該項動議，係由州務大臣，拿督，詩里，巴都卡，馬沙所提出，而由語文局局長，阿旺哈支，查米爾附議者。

于新之本邦憲法內，立法議會將擁有六名職官兼任議員，及五位官委議員，及十名民選議員。

屆時，執行理事會將被改爲部長理事會，而蘇丹殿下將出任爲主席，此外，它將擁有六名職官兼任議員，四位民選議員。

馬來 (汶萊市訊)汶萊市師資訓練學院，會于上月中旬，假民間之民衆大會堂內，舉行學生藝術作品展覽會。

查參觀斯項展覽會之人士，極形踴躍云。

## 由於滂沱大雨 低窪區成澤國

(汶萊市訊)由于連來連雨連綿之故，本邦許多低窪地區，經已變成澤國。

甚至于都東，雙溪嶺地區，有地崩之現象發生，是以通往本南中與東鎮之十路路口，交通均告封鎖。

刻下各區人員與士兵，正疏導上述之街道之障礙物俾令小型之車輛來往。

于距離都東路約莫四份之一哩之區域，于發生地崩現象中，有間房屋陷入泥土內，幸無人傷亡。

于雙溪嶺與甘榜德里賽之區之巴古嶺，亦發生地崩之事件，據悉壓路機被運往以上危險區域，以期預防于夜間，發生地崩之悲劇。

詩里亞方面，于甘榜魯木特地區，亦成澤國，然而該處之各戶人家經被遷往安全之地點。

馬來英縣長，彭之蘭，摩敏，爲赴災區巡視災民之情況。



圖爲參與由汶萊電台巫文部所主辦之一九六四年度之「電台之星」之歌唱競賽，馬來英縣區之優勝者之于接獲獎品後合攝之鏡頭。

## 可蘭經代表 賽馬赴將

(汶萊市訊)汶萊代表，將于本月十八日，暨廿一日，于吉隆坡，參加第五屆國際可蘭經誦讀競賽。

于近日假本市所舉行之可蘭經誦讀比賽，賽廿名優勝者，將代表本邦，參與斯項競賽。

彼等乃阿旺摩哈末哈森，阿旺鳴都拉，連央阿敏娜及達央魯畢亞。

彼等預定于本月十六日離開本坡，邁赴大馬。

## 汶市近郊 發生大火

(汶萊市訊)位于峇拉葛斯之德里馬，沙都鄉村之一家住戶，會于新近，發生大火，結果，價值約二千元之傢俬，均付之一炬。

上述鄉村，于失火之際，只有三名兒童，留于室內，彼等之父親與其他二名兄弟，均離家外出。

汶市之消防局人員，于接獲火警後，即趕到該地點，撲滅火患。



# 汶萊百利達報

汶萊政府月刊  
第三期星出  
第一版

## 蘇丹籲請人民合作

### 加速完成發展工作

(汶萊市訊)本邦蘇丹殿下，于其新年御詞內稱：陛下祈禱于來年中，上帝會保佑汶萊，如此，吾人即可享受快樂與和平之果實！

其時，蘇丹殿下正于倫敦，與英國部長，磋商有關本邦之進展問題，以期確保本邦之和平及繁榮。蘇丹殿下稱：陛下祈禱于來年中，上帝會保佑汶萊，如此，吾人即可享受快樂與和平之果實！

于迎接新年方面，吾人應繼續過去，以往昔事件，作為達致未進展之借鑑。

## 新宣言書明文規定 緊急狀態依然存在

(汶萊市訊)預定于上月十一日終止之本邦緊急狀態，經于新宣言書之規定下，予以展期，而續存在。

本邦之緊急法令，業已實施為期二年。

斯項宣言書，接著指出：本邦蘇丹殿下，經已宣佈：威脅本邦之安全與經濟之危機，依然存在。是以，緊急法令，尚有予以實施之必要。

查緊急法令乃于「汶萊憲法」第八十三條內，由統治者所制定者。

「汶萊憲法」授權蘇丹殿下于本邦安全暨經濟生活遭受威脅時宣佈本邦進入緊急狀態。

一名官方之代宣人謂：本邦政府廣續實行斯項法令，並非反映出本邦之局勢，呈現反常與危險之現象，該項措施，僅令政府當局以備萬一。

目下，本邦之局勢，業已恢復和平及安靜，而公共危機，亦幾乎全部絕跡。

該位發言人續謂：斯項新宣言書，乃用以配合鄰國正受印尼對抗，而引起之危險局勢。

去年，本邦發展計劃內之許多工作，經已完竣，上述成功，證明本邦人民明悉與政府通力合作，以維持和平及繁榮之重要性。

本邦經已開始于過去數年中，實施發展計劃，然而，由于吾人能力，弗克控制之事件發生，于是上述計劃，遂遭阻礙。

蘇丹殿下，銘感上蒼之啟示，上述困難，終被克服，于去年中，一些重要之發展計劃工作，經已完竣，而其餘之工作，亦經開始進行。

于本縣區言之，打石之蓄水池，業已建造完成，人民獲致自來水之供應。此外，本邦政府，亦與外國工程師之建築公司，簽定合約，俾便興建摩拉深永港。如此，本邦可成為鄰近邦國之進出口貨之貿易中心。

為達致吾人之目的，蘇丹殿下呼籲公眾人士，以最大之信心，與政府當局合作，唯有如此，吾人方可加速償還吾人之志願。

## 政府集中力量 進行革新本邦

(汶萊市訊)以下乃汶萊州務大臣，拿督·斯里·巴都卡·馬沙之元旦獻詞全文：

于歡迎新年時，首先，余祝福本邦人民「新年愉快」。

于本邦邁進康莊大道之過程中，細懷過去之事件，乃異常有用者。

余感激上帝，保佑及領導吾等，生活于和平與寧靜之環境中。同時，祈禱上帝廣續如此做。

自一九六二年十二月間，發生叛變事件之後，政府經已集中力量，以進行更加重要之改造工作，斯項工作，包括感化被誤導之拘留犯及革新本邦。

去年，本邦曾獲進展，尤為鄉村發展方面，此外于來年中，吾人將可目觀政治上之進展。

吾人所享受之和平及安寧，乃來自保安部隊，因此，吾萬分感激彼等之服務精神，同時，願彼等新春愉快。

關於憲制之改善建議，汝等均悉，本邦立法議會，將于來年中，進行改革，它將擁有大部分之民選議員。

斯項改組，充分表現出蘇丹殿下有意

蘇丹殿下冀望蘇丹籍民，踴躍參與普選，俾可獲得執政之更巨機緣。

最後，蘇丹殿下祝福吾人新春愉快，況且，于上蒼之保佑下，吾人將成功建立一個繁榮、快樂及和平之國家！

另訊：蘇丹殿下經于本月八日，離開倫敦。

政府當局將採取一項初步之措施，以通過立法及地方議會之選舉，俾組織更加民主之政府。

州務大臣呼籲本邦各位人民，竭誠協助政府，以加速完成福利工作。那麼讓吾人負起責任，協助政府償還蘇丹殿下之夙願，保證人民幸福，國家興盛。

蘇丹殿下一再強調人民之經濟，對于政府當局言之，係最重要者，為達致此一目的，政府將于五年發展計劃下，辛勤工作。

最後，氏借此機會，感謝本邦政府高級官員之合作，于往昔一年中，共同順利執行本邦之行政。

州務大臣以行政首長之身份暨代表高級官員，恭祝大家新年愉快！



圖示由於霖雨連綿，致令汶市都東路之低陷道路，成為澤國之情況。

## 財長宣稱於必要時 汶可獨自發行貨幣

(吉隆坡訊)汶萊財政部主理，約翰里先生，于此間宣稱：汶于必要之情況下，汶可獨自發行貨幣。

氏曾于此間，與馬來西亞中央財政部之官員，舉行磋商。

路透社引述其談話，指出：汶萊正尋找一項折衷之解決辦法，氏自信斯項方法，必可獲致。

于詢以一旦折衷方法，無可尋找後，汶萊是否獨立發行貨幣，約翰里先生稱：此乃當然之措施。

汶萊乃于前年大馬聯邦，成立之時，退出該聯邦者，然而，汶邦仍用由馬來亞，新加坡，沙巴，砂朥越與汶萊所組成之貨幣局所發行之錢幣。

馬來西亞政府，業已通知汶萊：其計劃移交貨幣局之權力，于馬來亞銀行掌理，同時請求汶萊提出某些建議。

## 人民自由黨吁政府 公佈與英會談詳情

(汶萊市訊)汶萊人民自由黨之黨魁阿旺·阿沙馬沙，曾吁請政府當局，宣佈汶萊代表團，于倫敦與英國官員，會談之詳情。

梁稱：人民殷切關注本邦局勢之進展，尤于印尼對抗大馬之現階段。

梁深信于英國工黨之協助下，本邦憲制將予改善。同時，梁亦深信目前本邦無左翼份子之存在。梁亦指出：本邦之留學生，于學成歸國之後，將同本邦服務，進而推行本邦之行政工作。

梁最後宣稱：于現階段舉行選舉，甚受人民之支持。

汶童子軍協會  
舉辦娛樂市場

該協會舉行上列市場之餽助，乃籌款以派遣四名代表，赴澳洲，參加行將于本月大集會。

該市場亦售賣幸運彩票，首獎為一英鎊，次獎乃旅行香港一週之來回機票，三獎則係一禮里牌「車」一架，此外，尚有四十八份安慰獎。

另悉：光顧上列娛樂市場之熱心人士，極形踴躍云。